

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS
PEMBUKAAN RESMI PAMIRAN SENI BALI
DI MUZIUM NEGARA, KUALA LUMPUR PADA
12HB JUN, 1971

Encik Shahrum,¹ Datuk Abdul Samad Idris,² Saudara-saudara
sekelian.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Lembaga Kebudayaan dan Sejarah Melayu serta Pengarah Muzium Negara atas jemputan mereka kepada saya untuk membuka Pamiran Seni Bali ini.

Sepanjang yang saya ketahui, inilah kali pertama pamiran Seni Bali seperti ini diadakan di negara ini. Pamiran seperti ini sangatlah besar ertinya dalam usaha kita untuk merapatkan tali persaudaraan antara Malaysia dengan Indonesia melalui bidang kebudayaan. Oleh kerana itu, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Lembaga Kebudayaan dan Sejarah Melayu atas inisiatifnya mengadakan pamiran ini.

Saudara-saudara,

Kebudayaan alam Melayu mempunyai sejarah yang lama seperti yang dibuktikan dengan karya-karya seni dan lain-lain peninggalan dari zaman silam. Kita boleh menyebut tentang sejarah bahasa dan kesusasteraan Melayu sebagaimana yang dilambangkan oleh batu-batu bersurat yang terdapat di Sumatera. Batu-batu bersurat ini menandakan bahawa Bahasa Melayu Kuno telah mencapai taraf perkembangan yang tinggi sejak tahun masihi yang ke lapan. Bekas-bekas sejarah ini menunjukkan betapa lamanya sejarah kebudayaan dan tamaddun bangsa Melayu yang meliputi seluruh Asia Tenggara hingga ke Madagascar yang sekarang dikenal sebagai Republik Malagasy. Bahasa Melayu telah berjaya memainkan peranan sebagai bahasa perantaran atau lingua franca di seluruh Asia Tenggara sejak dari kurun ke empat belas hingga tempatnya digantikan oleh bahasa Inggeris sejak awal kurun ini.

¹ Encik Shahrum Yub, Pengarah Muzium Negara.

² Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Saudara-saudara,

Sebagai bangsa yang merdeka, kita mempunyai banyak commitments atau tanggungan baru. Rancangan-rancangan pembangunan negara yang bertujuan untuk membina masyarakat kita, melahirkan bangsa yang moden dan matang, telahpun disediakan dan ini kita lakukan melalui rancangan-rancangan ekonomi dan kemasyarakatan.

Tetapi, pembinaan dan kemajuan sesuatu bangsa tidak akan lengkap semata-mata dengan berdasarkan rancangan-rancangan ekonomi, kemajuan sains dan teknologi sahaja. Kemajuan manusia perlu dibantu oleh faktor-faktor lain yang boleh memperkuatkan daya fikiran, jiwa dan semangat mereka. Dalam contex inilah kebudayaan boleh memainkan peranannya yang penting sebagai alat untuk menyatupadukan rakyat dan memperteguhkan lagi rancangan-rancangan pembinaan kita seterusnya.

✓ Saya suka mengambil peluang ini menyeru ahli-ahli kebudayaan kita supaya mencari jalan bagaimanakah kebudayaan rakyat kita dari berbagai kaum ini boleh memberikan sumbangannya ke arah pembinaan bangsa kita seluruhnya. Oleh kerana masyarakat kita berbilang bangsa, tentulah menjadi masalah mencari suatu formula memilih dan menentukan unsur-unsur kebudayaan yang dapat kita pupuk dan bina sebagai dasar kebudayaan nasional. Dari segi sejarah perkembangan kebudayaan, sudah sewajarnya kebudayaan nasional kita berteraskan kebudayaan asli rantau ini—the indigenous culture of this region. Cuma apa yang perlu kita fikirkan dan kita usahakan ialah mencari jalan bagaimana konsep ini dapat kita laksanakan dengan teratur dan sempurna.

Saudara-saudara,

Saya sendiri sentiasa memberikan perhatian yang berat kepada masalah kebudayaan negara ini. Kerajaan sedang mengaturkan beberapa rancangan untuk mencapai matlamat kita dalam pembinaan negara dari segi kebudayaan. Salah satu dari rancangan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan ialah membentuk Majlis Kebudayaan Nasional. Langkah-langkah sedang juga diambil untuk mendirikan sebuah panggung Negara yang akan merupakan kompleks kebudayaan yang besar. Satu lagi perkara yang hendak saya sebutkan ialah, tidak berapa lama lagi, dalam bulan Ogos tahun ini, suatu kongres Kebudayaan Nasional akan diadakan di Kuala Lumpur ini. Persidangan-persidangan untuk ini sedang diaturkan. Saya berharap dengan rancangan-rancangan yang telah

disebutkan itu masalah kebudayaan kita akan dapat kita selesaikan dengan berkesan untuk kepentingan masa depan bangsa dan negara.

Saudara-saudara,

Kembali kepada Pamiran ini, saya rasa inilah peluang kita dapat melihat aspek-aspek Bali dari dekat. Pulau Bali ini dipanggil dengan berbagai nama terutama sekali dalam zaman memajukan pelancungan ini. Ada yang mengatakan Pulau Shorga di Timur, ada yang menyebut Pulau Dewata dan berbagai lagi. Pengaruh kata-kata ini sangatlah kuat sehinggakan Pulau Bali sudah mulai menjadi tumpuan manusia dari seluruh dunia. Saya sendiri telah pernah pergi ke Bali, tetapi hajat saya hendak melawat ke Bali lagi pada satu masa kelak untuk melihat perkembangan-perkembangan baru di Pulau itu. Pamiran ini memberikan peluang kepada mereka yang belum ke sana mengetahui sambil mengkaji bagaimana rupanya Bali yang sebenarnya. Saya percaya selain daripada kata-kata hampir-hampir khayal mengenai Bali itu, aspek yang betul-betul menarik hati ialah daya cipta dan hasil-hasil karya seni penduduk-penduduk Bali sendiri.

Saya berharap Pamiran Seni Bali ini akan mendapat sambutan yang besar dan hangat dari masyarakat ibu kota, seperti pamiran-pamiran yang telah diadakan oleh Muzium Negara di masa lepas. Saya suka mengesyurkan supaya satu Pamiran mengenai hasil-hasil seni asli penduduk-penduduk Malaysia diadakan selepas ini supaya kita dapat melihat pula kejayaan penduduk-penduduk Malaysia dalam berbagai bentuk kreativiti seni.

Saudara-saudara,

✓ Saya mengucapkan tahniah khas kepada pihak Muzium Negara kerana usahanya menganjurkan berbagai Pamiran yang dapat meluaskan serta meninggikan pengetahuan orang ramai mengenai beberapa perkara. Begitu juga langkah dan usaha pihak Muzium memulihkan semula—rehabilitate—peninggalan sejarah di sekitar Sungai Batu Pahat, Kedah, yang merupakan tapak petempatan kebudayaan yang terawal sekali di negara kita.

Saudara-saudara,

Saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Pamiran Seni Bali ini.